



DAPATKAN EDISI SINAR DIGITAL.  
HANYA RM30 SEBULAN.  
LANGGAN SEKARANG

ENGLISH Nasional Politik Edisi Semasa Bisnes Global Hiburan Sukan Kolumnis Rencana Wawancara Sinar TV  
VIRAL FAKTA AUTA GPS BESTARI KAMPUS TURBO REHAL ULTRAS UMPAN WOW MAKAN DI MANA ENTRI BLOG PENDAPAT



## Terpaksa import gula, sebab itu harga naik

MOHAMAD HAFIZI MOHD SAID  
5 MAC 2017



Datuk Tajuddin Abdul Rahman

TELUK INTAN - Ketidaaan serta ketidak sesuaian tanah di negara ini bagi tanaman tebu merupakan antara faktor mengapa kerajaan terpaksa mengimport gula dari negara luar.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, situasi tersebut menyebabkan harga gula di negara ini naik mengikut harga pasaran dunia.

"Kita masih lagi mengimport gula dan beberapa makanan lain kerana pengeluarannya tidak mencukupi untuk menampung permintaan pengguna dalam negara.

"Ia ekoran kebanyakkan tanah pertanian di negara ini lebih sesuai untuk tanaman kelapa sawit dan padi berbanding tebu yang kini hanya ditanam di Perlis," katanya selepas menyampaikan Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M) kepada 1,500 penerima di Dun Sungai Manik, hari ini.

Katanya, adalah menjadi hasrat kepada MOA untuk memperbaikkan tanaman tebu dalam negara ini bagi menampung permintaan gula oleh pengguna namun ketidak sesuaian tanah merupakan halangan utama.

"Kita nak tanam tebu tetapi tiada tanah yang sesuai, nak tanam atas tanah sawah tak boleh, nak tanam atas tanah sawit lagi tak boleh.

"Oleh itu, kita terpaksa mengimport gula dari luar jika tidak bekalan tidak mencukupi," katanya.

Tambahnya, kenaikan harga gula bukan disebabkan kerajaan tetapi kerana kenaikan harga pasaran dunia terutama sekali dari negara sumber yang mengesport gula untuk kegunaan negara lain.

"Mungkin permintaan gula di negara pengeluar berganda atau faktor cuaca yang menyebabkan pengeluaran gula berkurangan membawa kepada sebab mengalami harga gula dunia naik," katanya.



5 PALING HANGAT TERKINI

- 1 Duta Malaysia di Korea Utara pulang diusir
- 2 Tanda tanya akhirnya terjawab
- 3 'Penentang Dr Zakir Naik jangan jadi burung unta'
- 4 Sanggup serah diri kepada kekasih 'media sosial'
- 5 Remaja cuba bunuh diri berjaya diselamatkan



Reveal fuller hair,  
full of life.

[Get Sample](#)

REPLICA

Warkah anak istimewa buat mufti terharu

'Penentang Dr Zakir Naik jangan jadi burung unta'

Siti Kasim curi tumpuan, ajukan soalan di forum hudud

Gula naik: 11 sen beri perbezaan besar pada rakyat

Kesal tiada pihak bantu 'aset negara'

Arah banduan bogel didakwa langgar hak asasi

by Taboola

| RM 34.64 | RM 110 | RM 37 |
|----------|--------|-------|
|          |        |       |

